

KATEGORI PEGAWAI BADAN BERKANUN

PANDUAN PERMOHONAN PELANTIKAN BAHARU PESURUHJAYA SUMPAAH

1. Bagi permohonan kategori ini, Calon dikehendaki memuatnaik dokumen-dokumen berikut **(Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan DITOLAK)**:
 - (a) Salinan gambar terkini berukuran pasport (**Berwarna**)
 - (b) Salinan kad pengenalan (**Berwarna & Depan dan Belakang**)
 - (c) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil setara dengannya
 - (d) Salinan surat perakuan kelakuan baik (**Dibuat pada tahun semasa permohonan**) daripada:
 - (i) Ketua Jabatan beserta sokongan terhadap permohonan; **dan**
 - (ii) Seorang Pegawai Penyelia kepada Calon
 - (e) Salinan carian kebankrapan (**Bagi tahun semasa permohonan**)
 - (f) Salinan surat pengesahan pelantikan jawatan
 - (g) Salinan akuan berkanun Calon yang lengkap disempurnakan (**Potong bahagian kandungan yang tidak berkenaan – Rujuk Contoh**)

2. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, Calon dijemput menghubungi mana-mana talian di bawah:
 - (a) Puan Jamilah Binti Omar
(Tel: 03-8880 4296)
 - (b) Puan Siti Faridhussufiah binti Latiff
(Tel: 03-8880 4034)

Nota:

- A. Pastikan alamat emel yang dimasukkan adalah tepat dan terkini. Sebarang pemakluman adalah melalui emel.
- B. Calon yang berjaya akan dipanggil menduduki Peperiksaan Kelayakan Pesuruhjaya Sumpah.
- C. Calon boleh menyemak status permohonan dengan memasukkan semula nombor kad pengenalan dan kategori menerusi butang Permohonan atau menghubungi talian di atas.

Unit Pesuruhjaya Sumpah

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Permohonan Baharu Pesuruhjaya Sumpah

AKUAN BERKANUN PEMOHON

Saya, Mohamed Asyraf Bin Hamzah No. K.P. 880831-06-5487
beralamat di No. 8, Jalan 8/8, Gong Badak, 21300 Kuala
Terengganu, Terengganu

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa -

- (a) maklumat dan butir-butir yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar;
- (b) saya telah membaca dan memahami peruntukan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018;
- (c) saya tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah atau tidak pernah ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau tidak pernah diisytiharkan sebagai bankrap;
- (d) ~~saya pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah sebelum ini dan pelantikan tersebut tidak pernah dibatalkan (sekiranya berkaitan)*;~~
- (e) tiada tindakan tatatertib yang telah diambil atau tertangguh ke atas saya; dan
- (f) saya sihat dari segi fizikal dan mental.

DAN saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas.....
di..... PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
di dalam Negeri
pada 25 JAN 2022

Di hadapan saya,


(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret/
Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam*)

